


ULASAN BUKU

Yazid Haji Maarof dan Mohamad Kamil Ab Majid, 2015, *Pembelajaran Islam Amali: Panduan Fiqh Jinayat*, 154 halaman, ISBN 978-983-49-0011-3.

Pengulas: *Jasri Jamal*
jasri@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.



Buku *Panduan Fiqh Jinayat* ini merupakan satu daripada enam buah buku dalam Siri Pembelajaran Islam Amali yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berkaitan dengan undang-undang Islam. Antara Siri Islam Amali yang lain termasuk *Panduan Fiqh Ibadah*, *Panduan Fiqh Muamalat (Ekonomi Islam)*, *Panduan Akidah*, *Panduan Fiqh Munakahat (Kekeluargaan)* dan *Panduan Fiqh Tasawuf*. Buku ini dihasilkan bertujuan untuk memperkaya khazanah undang-undang Islam dalam bahasa Melayu dan menyebarkan ilmu tentang undang-undang Islam kepada masyarakat awam di Malaysia. Buku *Panduan Fiqh Jinayat* ini membicarakan undang-undang jenayah dalam Islam yang terdiri daripada kesalahan hudud, qisas, *diyyat* dan takzir seperti yang dibincangkan dalam perundangan Islam. Tambahan pula, buku ini juga menyentuh bidang kuasa jenayah mahkamah syariah yang sedang dipraktikkan di Malaysia.

Bab Satu buku ini berkaitan dengan undang-undang Islam secara umum. Matlamat undang-undang Islam adalah untuk menjaga lima kemaslahatan yang diperlukan oleh manusia, iaitu untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Kelima-lima matlamat undang-undang Islam tersebut memberikan kebaikan kepada manusia. Matlamat menjaga agama supaya Islam menjadi syariat utama dalam kehidupan seseorang Muslim. Umat Islam dilarang menukar akidah yang satu kepada kepercayaan agama lain. Hukuman akan dikenakan jika maslahat ini dicerobohi. Menghargai nyawa bermaksud Islam sangat menghargai nyawa manusia dan dilarang melakukan jenayah pembunuhan terhadap manusia lain atau jenayah bunuh diri terhadap diri sendiri. Terdapat hukuman tertentu dalam undang-undang jenayah Islam jika kesalahan ini dilakukan oleh penjenayah. Menjaga akal

pula amat penting kepada manusia yang normal. Umat Islam dilarang oleh undang-undang Islam merosakkan akal fikiran. Oleh sebab itu, meminum bahan yang memabukkan akan dikenakan hukuman dalam undang-undang jenayah Islam. Selain itu, nasab keturunan yang baik perlu dipelihara dalam kehidupan manusia supaya tidak berlaku kucar-kacir dalam masyarakat. Oleh sebab itu, perzinaan adalah amat dilarang dalam Islam. Akhir sekali, kita diseru menjaga harta benda daripada dicerobohi oleh orang lain. Perbuatan mencuri dan merompak dilarang kerana perbuatan tersebut akan mendatangkan mudarat yang besar dalam kehidupan manusia. Oleh itu, kelima-lima *maqasid* dalam undang-undang jenayah Islam amat diperlukan dalam kehidupan manusia agar mencapai kesejahteraan hidup yang berlandaskan syariat Allah SWT.

Penulis juga menyentuh sedikit sebanyak tentang institusi kehakiman (*qadha*) dan fatwa yang dijalankan di Malaysia untuk memberikan kefahaman kepada umat Islam bahawa undang-undang jenayah Islam tidak boleh dipisahkan daripada institusi kehakiman dan fatwa. Penulis memulakan perbincangan tentang jenayah dan kehakiman (*qadha*) dalam Bab Dua. Jinayat atau jenayah merupakan suatu pelanggaran hukum yang dilarang kepada manusia untuk melakukannya dan hukuman setimpal dengan kesalahan tersebut akan dikenakan kepada pesalah. Antara hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah, termasuklah hukuman hudud, qisas dan takzir. Tujuan atau matlamat hukuman dalam undang-undang jenayah Islam adalah untuk mencegah, memulihkan dan memberikan kesedaran kepada penjenayah dan masyarakat setempat yang melihat hukuman tersebut. Hudud ialah hukuman yang wajib dilaksanakan dan tidak boleh dipinda sama ada oleh hakim atau pemerintah kerana kesalahan tersebut telah ditetapkan dalam al-Quran dan merupakan hak Allah SWT semata-mata. Kategori kesalahan dalam undang-undang jenayah hudud, termasuklah kesalahan zina, *qazaf* (menuduh seseorang melakukan zina tanpa bukti), minum arak, mencuri, merompak, *riddah* (murtad) dan pemberontakan. Terdapat tujuh jenis kesalahan dalam hukuman hudud menurut pandangan mazhab Shafii. Hukuman qisas pula ialah hukuman balas terhadap nyawa dan tubuh badan yang dikategorikan dalam hukuman bunuh dan hukuman *diyyat*. Menariknya, hukuman qisas jika dimaafkan oleh waris mangsa, hukuman asal boleh diubah menjadi hukuman pembayaran *diyyat* (pampasan) atau dilepaskan pesalah tersebut tanpa apa-apa syarat. Kadar bayaran *diyyat* ialah 100 ekor unta tetapi boleh digantikan dengan pakaian atau kambing atau wang ringgit atau emas masa kini. Hukuman takzir pula ialah hukuman, selain hudud dan qisas. Kadar hukuman ini tidak ditetapkan dan bergantung pada pemerintah

untuk menggubal undang-undang berkaitan dengan takzir, sesuai dengan kemaslahatan umat Islam. Bentuk hukuman takzir adalah seringan-tingan hukuman seperti hukuman menasihati hinggalah seberat-berat hukuman, iaitu hukuman mati.

Pengecualian hukuman terhadap pelaku jenayah dibincangkan dalam Bab Tiga buku ini. Perkara ini merupakan satu dalihan kepada penjenayah daripada dikenakan hukuman asal terhadap mereka. Menurut undang-undang jenayah Islam, terdapat empat kategori dalihan, iaitu pelaku melakukan kerana paksaan, mabuk, gila dan bawah umur. Antara contoh paksaan termasuklah paksaan memakan makanan yang haram kerana terpaksa. Hukum asalnya haram memakan makanan yang diharamkan dalam Islam tetapi hukum tersebut gugur kerana perbuatan memakan makanan haram adalah kerana terpaksa. Perbuatan paksaan boleh disamakan dalam suasana darurat yang membolehkan seseorang melakukan perkara haram sekadar untuk kelangsungan hidup. Kategori dalihan yang kedua ialah mabuk. Keempat-empat mazhab bersetuju bahawa tidak dikenakan hukuman terhadap penjenayah yang melakukan sesuatu perbuatan jenayah dalam keadaan mabuk yang dipaksa ataupun pilihan sendiri tetapi tidak mengetahui bahawa minuman tersebut memabukkan. Seterusnya, gila juga dikecualikan daripada tanggungan jenayah kerana tidak mempunyai kekuatan akal fikiran yang waras dan hilang daya sedar. Dalihan terakhir ialah kanak-kanak di bawah umur. Penulis tidak menyatakan kadar umur kanak-kanak ini tetapi menyatakan bahawa hukuman jenayah dalam syariat Islam terbina atas dua unsur penting, iaitu kesedaran dan pilihan. Manusia yang tidak mempunyai daya sedar dan pilihan, hukuman jenayah digugurkan tetapi hukuman takzir boleh dikenakan sebagai bentuk pemulihan, pendidikan dan pengajaran.

Bab Empat buku ini membincangkan peranan sistem kehakiman Islam di Malaysia. Institusi kehakiman merupakan suatu institusi penting dalam Islam bagi membuat sesuatu keputusan dan hukuman bersandarkan hukum syarak. Bahagian ini membincangkan bidang kuasa mahkamah syariah di Malaysia yang dimulai dengan mahkamah rendah syariah, mahkamah tinggi syariah dan mahkamah rayuan syariah. Bidang kuasa mahkamah syariah hanya berkuat kuasa kepada orang yang menganut agama Islam sahaja dan mempunyai kuasa menghukum setakat hukuman yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Matlamat utama sistem kehakiman Islam adalah untuk mencapai keadilan, menentang kezaliman dan juga membela pihak yang dizalimi. Perkara yang menjadi keutamaan ialah kebebasan hakim untuk menggunakan ijtihad masing-masing dalam menjatuhkan hukuman. Seseorang hakim yang hendak dilantik mestilah orang yang berkaliber,

dan ulama menetapkan bahawa seseorang hakim mestilah beragama Islam, mukalaf, merdeka, lelaki, berlaku adil, sempurna pancaindera, memiliki daya ingatan yang baik dan mampu berjihad. Seseorang hakim perlu mempunyai sifat seorang hakim, mengetahui tugas sebagai seorang hakim dan yang paling penting mematuhi etika sebagai seorang hakim yang bertujuan memberikan keadilan kepada pihak yang bertelingkah. Dalam bab sistem kehakiman Islam ini juga disentuh tentang pendakwaan, pembuktian, pengakuan, kesaksian dan sumpah, termasuk perkara yang berkaitan dengan undang-undang keterangan Islam.

Kebebasan kehakiman merujuk tugas dan tanggungjawab seorang hakim yang perlu bebas dalam mengendalikan tugas hariannya tanpa ada campur tangan daripada mana-mana pihak. Namun begitu, seorang hakim masih lagi kakitangan kerajaan yang memerintah kerana tugas hakim mewakili negara dalam urusan keadilan. Tanggungjawab seseorang hakim ialah tanggungjawab syarak yang mesti dilaksanakan. Hal ini demikian kerana jika hakim tersebut berjihad, hakim tersebut akan menerima dua ganjaran jika ijtihadnya betul dan jika salah akan memperoleh satu ganjaran pahala. Menariknya, menurut sistem kehakiman Islam, seseorang hakim tidak mempunyai kekebalan. Seseorang hakim boleh diawasi dan diperhatikan oleh pihak pemerintah tentang tindak tanduknya dalam urusan keadilan. Jika seseorang hakim didapati melakukan sesuatu kesalahan, beliau juga boleh dipecat oleh pemerintah. Semua ini terkandung dalam Bab Lima buku ini.

Bab Enam yang merupakan bab terakhir buku ini menegaskan semua perkara atau masalah yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial, dan perundangan boleh diselesaikan jika berasaskan undang-undang Islam. Matlamat penyelesaian masalah bagi diri dan keluarga, masyarakat dan negara perlu dilaksanakan tanpa mengira pangkat, darjat, kedudukan, warna kulit atau keturunan masing-masing. Sebagai contoh, Islam melarang aktiviti riba dan menghalalkan jual beli bagi menyelesaikan masalah penindasan dan penipuan dalam perniagaan. Masalah ini hanya boleh diatasi melalui pendidikan agama yang lengkap. Lima bidang ilmu lain yang juga harus dipelajari ialah pendekatan akidah, tasawuf, fiqh ibadat, fiqh muamalat dan fiqh munakahat yang turut diterbitkan dalam siri ini.

Secara keseluruhannya, kekuatan buku ini terletak pada bentuk olahannya yang agak santai dan mudah untuk difahami oleh semua khalayak pembaca. Sesuatu fakta yang dikemukakan disokong oleh hujah naqli seperti al-Quran dan sunah. Penggunaan terminologi Arab dalam buku ini wajar dibaca oleh pengamal undang-undang Islam, pelajar di universiti awam dan khalayak ramai kerana membicarakan undang-undang Islam.